



Hubungan baik mampu tangani isu ketirisan, kebocoran

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Mohamed Farid Noh dan Mohammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya ada satu penyelarasan berkesan dalam kalangan penguat kuasa pelbagai agensi bagi menangani isu ketirisan dan kebocoran.

Perdana Menteri berkata, setiap agensi harus ada jaringan hubungan yang baik kerana satu badan penguat kuasa, tidak upaya melawan kelompok besar yang terbabit dalam jenayah berkenaan.

“Kita minta penyelarasan penguatkuasaan (antara) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), harus ada penyelarasan berkesan.

“Tak mungkin kita boleh selesaikan (masalah penyeludupan, ketirisan, kebocoran) dengan hanya satu penguatkuasaan saja kerana kita berdepan kekuatan luar biasa, puluhan tahun nak rungkai, (penjenayah) anggap satu tindakan yang mencabar kedudukan dia,” katanya berucap pada Majlis Amanat Bersama Warga Penguat Kuasa KPDN di sini, petang semalam.

Turut hadir, Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Shamsul Azri Abu Bakar.

Anwar berkata, jika berdepan isu berbangkit berkaitan penyelarasan itu, masalah terbabit perlu dibawa kepada menteri supaya dapat diselesaikan pada peringkat Jemaah Menteri.

Mengenai keperluan mendesak berhubung pusat latihan penguat kuasa KPDN, Perdana Menteri berkata, beliau akan membawa isu terbabit ke mesyuarat Jemaah Menteri minggu depan.

Katanya, antara kaedah boleh dilaksanakan ialah menyelaraskan kerjasama bersama agensi lain supaya penguat kuasa KPDN

dapat menggunakan pusat latihan mereka.

Usah alih isu

Sementara itu, Anwar berkata, Tan Sri Muhyiddin Yassin diminta tidak menggunakan jumlah akuan bersumpah (SD) sebagai alat untuk mengalihkan isu dikaitkan ke atasnya.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, Muhyiddin yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) dan Presiden BERSATU itu perlu memberi tumpuan kepada ucapan beliau, dikatakan berunsur menghina Yang di-Pertuan Agong Ke-16 ketika berkempen pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri, baru-baru ini.

“Masalah sebenar ialah kenyataan (Muhyiddin) yang ditafsir sebagai menghina dan memperitakikan kuasa raja,” katanya selepas makan tengah hari di Gerai Gertak Merah sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Hidayah Kampung Sungai Penchala di sini.

Anwar berkata, beliau sebelum ini enggan mengulas isu jumlah SD itu kerana ia tidak perlu diperdebatkan, selain menafikan dakwaan Muhyiddin memiliki 115 dokumen berkenaan bagi menyokong beliau dilantik Perdana Menteri Ke-10.

Katanya, pandangan Majlis Raja-Raja (MRR) dan Peguam Negara yang dilantik ketika Mu-

hyiddin menerajui pentadbiran negara itu menjelaskan jumlah SD diterima Ahli Parlimen Pagoh dipertikaikan, sekali gus menyebabkan ketetapan mengenainya diserahkan kepada budi bicara Yang di-Pertuan Agong.

“Saya tidak akan mencampuri sebarang urusan dan siasatan polis ke atas Muhyiddin. Kita serahkan siasatan sepenuhnya pihak berkuasa mengikut jalur undang-undang negara,” katanya.

Mengulas pengumuman Amazon Web Services (AWS) yang melancarkan AWS Asia Pacific (Malaysia) Region berpusat di negara ini dengan komitmen pelaburan jangka panjang RM29.2 bilion, Anwar berkata, ia bukti keyakinan pelabur terhadap kestabilan dan dasar ekonomi MADANI.

Beliau berkata, Malaysia amat teruja dengan potensi pelaburan dan inovasi baharu bakal terhasil daripada pemindahan teknologi, ilmu pengetahuan dan banyak lagi.

“Ini komitmen dan pelaburan jangka panjang dirancang AWS berjumlah RM29.2 bilion, menjadi antara pelaburan terbesar oleh syarikat teknologi global di Malaysia.

“Keyakinan ditunjukkan pelabur terhadap kestabilan dan dasar Ekonomi MADANI akan melimpahkan kemakmuran berpanjangan buat rakyat dan negara,” katanya dalam mesej Facebook, semalam.